

07 JAN 2003

RAFIDAH-RANGSANGAN

PAKEJ RANGSANGAN PERSEDIAAN JIKA AMERIKA SERANG IRAQ

KUALA KANGSAR, 7 Jan (Bernama) -- Tujuan kerajaan mahu melaksanakan pakej rangsangan tahun ini adalah sebagai persediaan jika berlakunya kejatuhan ekonomi dunia jika Amerika Syarikat menyerang Iraq.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata apa yang bakal kerajaan lakukan telah dilakukan sejak tiga tahun yang lepas dan ia untuk mengelakkan Malaysia terjejas teruk jika ekonomi dunia tidak baik.

Katanya, Malaysia perlu bersiap sedia dengan tindakan kerajaan sendiri sekiranya berlaku prestasi ekonomi dunia yang tidak baik yang bukan sahaja akan menjejaskan aliran masuk pelaburan tetapi juga perdagangan iaitu eksport negara.

"Kita perlu menjangkakan terlebih dahulu sebelum ia berlaku kerana kita tidak tahu bila berlaku peperangan di Iraq. Jika berlaku peperangan di Iraq ekonomi dunia akan jatuh dan merosot jauh dari sekarang," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sijil kepada 35 orang pelajar TABIKA KEMAS-Philips Kampung Senggang di tabika tersebut, di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan mungkin melaksanakan satu lagi pakej rangsangan tahun ini bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi negara.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata langkah seperti menyuntik dana ke dalam ekonomi dan membelanjakan wang bagi projek jangka pendek mungkin diambil bagi meningkatkan pendedaran wang dalam dalam negara.

Jika kerajaan melaksanakannya, ia adalah pakej yang ketiga sejak pakej pertama dilaksanakan pada Mac 2001 di mana kerajaan menyuntik sebanyak RM3 bilion dan pakej yang kedua adalah sebanyak RM4.3 bilion pada penghujung tahun 2001 selepas serangan ke atas Amerika Syarikat pada 11 September.

Rafidah berkata jika peperangan benar-benar terjadi, Malaysia juga akan mendapat kesan kerana eksport turun dan orang tidak berani membuat pelaburan di mana-mana termasuk Malaysia dan mereka hanya berdiam diri kerana tidak tahu apa akan jadi.

"Kita kena bersiap sedia. Jika ia berlaku ia akan beri kesan kepada seluruh ekonomi dunia. Sebelum ini menjejaskan kita, kerajaan mengambil langkah berjaga-jaga iaitu dengan mendahului kemungkinan ini dengan pakej-pekej rangsangan," katanya.

Beliau berkata salah satu dari satu rangsangan yang berkesan ialah perbelanjaan kerajaan yang diturunkan ke akar umbi melalui projek infrastruktur, pembangunan biasa dan juga program-program yang ada kesan berganda kepada banyak pihak.

"Banyak kesan limpahan bagi setiap perbelanjaan rangsangan yang dibuat. Kita kena buat cepat dan bersiap awal. Bagaimanapun, kalau peperangan itu tak jadi, prestasi kita akan lebih baik kerana setiap perbelanjaan kerajaan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)," kata Rafidah.

Katanya, buat masa ini kerajaan masih belum menetapkan jumlahnya tetapi kerajaan pasti membuat penilaian kemampuan melaksanakan projek tersebut.

"Kalau jentera perlaksanaan tak mampu melaksanakannya, jadi perbelanjaan tak habis. Kita kena mulakan berjaga-jaga awal, kita ada setahun untuk selesaikan projek-projek ini yang boleh memberikan kesan limpahan kepada negara," katanya. -- BERNAMA

KAY OS

